



MEMORANDUM RASMI

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak	KEPADA: Semua Residen Semua Pegawai Daerah
PERKARA: Bekalan Peluru Kepada Pemilik Senapang Yang Berlesen	SALINAN KPD: Pesuruhjaya Polis, Kontinjen Sarawak Pengaroh, Jabatan Hutan Sarawak
RUJ. KAMI: JK.M.P/SEC/01/ 003/06/T TARIKH: 31.10.1997	RUJ. TUAN: TARIKH:


Kami telah dimaklumkan bahawa arahan dalam Surat Rasmi ruj. 130/PKM/SULIT/3/A bertarikh 9 Mei 1985 yang dikeluarkan oleh pejabat ini mengenai perkara tersebut di atas adalah tidak dipatuhi. Di sini saya ingin mengingatkan semua Pegawai Daerah dan Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Kecil bahawa Surat Rasmi tersebut hendaklah sentiasa dipatuhi sepenuhnya.

2. Permit untuk membeli peluru tidak boleh dikeluarkan kepada pemilik-pemilik senapang jika mereka tidak membawa kelongsong peluru (empty shells). Permit untuk membeli peluru hanya berdasarkan kepada bilangan kelongsong peluru yang dibawa oleh pemilik-pemilik tersebut. Umpamanya, jika lima (5) kelongsong dibawa, maka hanya lima (5) butir peluru sahaja yang boleh dibeli dan bilangan peluru yang dibenarkan harus dicatat dalam permit. Semua kelongsong peluru hendaklah dipotong dengan sebilah pisau semasa ianya dibawa supaya tidak dapat digunakan lagi. Walau bagaimanapun, pengeluaran peluru melebihi sepuluh (10) butir adalah tertakluk kepada budibicara Residen Bahagian masing-masing.

3. Di samping itu, Pegawai Daerah atau Pegawai Tadbir di Pejabat Daerah Kecil dengan kerjasama Ketua Polis Daerah adalah wajib untuk melakukan pemeriksaan mengejut berkenaan dengan stok peluru yang disimpan dan dijual oleh penjual-penjual peluru bagi memastikan stok tersebut selaras dengan yang telah dijual dan yang masih tersimpan. Stok peluru yang boleh disimpan oleh penjual-penjual adalah dicatatkan dalam lesen masing-masing.

Sekian, terima kasih.

" BERSATU BERUSAHA BERBAKTI "


[JOSEPH YB SIM]
b/p. Setiausaha Kerajaan
Sarawak